



# KENYATAAN MEDIA

Untuk siaran segera

## **MAJIKAN MENGHADAPI 36 PERTUDUHAN GAGAL MEREMIT PCB PEKERJA KEPADA LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA (LHDNM)**

KUALA LUMPUR, 4 Oktober – Seorang majikan yang juga merupakan pengarah syarikat **PI Ltd (dahulu dikenali sebagai Phoenix International Investments (Labuan) Ltd)** hari ini menghadapi 36 pertuduhan gagal membuat Potongan Cukai Bulanan (PCB) yang sepatutnya daripada saraan pekerja dan meremitkan bayaran tersebut kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM).

Encik Roger David Weston Gumbrell, 70 tahun, menghadapi 36 pertuduhan tersebut di bawah Kaedah 10(1) dan Kaedah 17 Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan Daripada Saraan) 1994 (KKCP) yang membawa kepada hukuman denda tidak kurang RM200.00 dan tidak lebih RM2,000.00 atau penjara tidak lebih enam bulan atau kedua-duanya sekali bagi setiap satu pertuduhan.

Mengikut pertuduhan di bawah KKCP, tertuduh didakwa telah mengurangkan jumlah Potongan Cukai Berjadual (PCB) pekerjanya yang melibatkan amaun berjumlah RM220,583.05 bagi bulan Januari 2013 hingga Jun 2015 dan gagal meremitkan PCB bagi bulan Julai 2015 sehingga Disember 2015.

Walau bagaimanapun, tertuduh mengaku tidak bersalah dan Majistret Tuan Zuhair Bin Rosli telah menetapkan tarikh pengurusan kes dan prosiding selanjutnya pada 16 November 2016. Pendakwaan telah dijalankan oleh Peguam Hasil Mohd Sabidi Samsi Bin Sidik dan Orang Kena Saman diwakili oleh peguam Encik Mohd Azrul Hafizie Bin Zakaria.

Sila layari laman web rasmi LHDNM di [www.hasil.gov.my](http://www.hasil.gov.my) untuk keterangan lanjut.

# # #

**SEKIAN, TERIMA KASIH**



---

Dikeluarkan oleh:

**Masrun Bin Maslim | Customer Care Officer (Media)**  
**Bahagian Komunikasi Korporat & Multimedia | Jabatan Khidmat Korporat |**  
**Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**  
☎ : 03-8313 8888 samb. 21326 / 21371 | ☎ : 03-8313 7836  
Hasil Care Line : 1-800-88-5436 (LHDN)  
Portal Rasmi : [www.hasil.gov.my](http://www.hasil.gov.my)

**Tarikh : 5 Oktober 2016**